

**PEMBINAAN MODUL BERASASKAN
PENDEKATAN PROJEK UNTUK
MENINGKATKAN KEMAHIRAN
BERKOMUNIKASI MURID TADIKA**

NOOR MIZA BINTI ABDUL RAHMAN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2015**

**PEMBINAAN MODUL BERASASKAN PENDEKATAN
PROJEK UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN
BERKOMUNIKASI MURID TADIKA**

oleh

NOOR MIZA BINTI ABDUL RAHMAN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2015

PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA, saya beroleh peluang untuk menyempurnakan tesis yang bertajuk Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek untuk Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika. Penghasilan tesis ini sangat bermakna kepada saya.

Justeru itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih seikhlas hati kepada Profesor Dr Anna Christina Abdullah selaku penyelia utama dan Dr Aznan Che Ahmad selaku penyelia bersama di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan bagi menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya juga ingin menyatakan rasa terima kasih kepada semua pensyarah lain di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM).

Ucapan penghargaan ini turut dikhususkan kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Abdul Rashid Mohamed, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Prof. Madya Dr Hazri Jamil dan Prof. Madya Dr Abdul Rashid Mohamad selaku Timbalan Dekan Penyelidikan yang sentiasa memberikan sokongan padu sepanjang pengajian saya di USM. Penghargaan ini juga ikhlas ditujukan kepada semua pihak yang terlibat di Institut Pengajian Siswazah USM, staf perpustakaan USM, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Insitut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun yang telah memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Saya juga amat berterima kasih kepada semua peserta kajian dan pakar penilai modul kajian ini.

Ucapan penghargaan yang istimewa saya lakarkan buat suami tercinta Zulkipli Mohamad, puteri-puteri kesayangan saya Nur Haifa Amani dan Nur Hairin Amalia di atas pengorbanan masa, sokongan dan doa yang tidak pernah putus. Selanjutnya saya dedikasikan kejayaan ini buat kedua ibu bapa saya Haji Abdul Rahman Ahmad dan Hajjah Khalijah Ismail yang sentiasa mendoakan kesejahteraan saya dan memberikan dorongan sehingga pengajian ini berakhir dengan kejayaan. Kejayaan ini juga wajar saya kongsi dengan ahli keluarga lain, semua sahabat sejati serta pelajar saya yang selalu memberikan kata-kata semangat. Alhamdulillah dan terima kasih saya ucapkan.

NOOR MIZA BINTI ABDUL RAHMAN

FEBRUARI 2015

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN TESIS	iv
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	
1.3.1 Pembinaan Modul Pendekatan Projek	8
1.3.2 Kemahiran Berkomunikasi Murid Prasekolah	13
1.4 Rasional Kajian	17
1.5 Tujuan Kajian	18
1.6 Objektif Kajian	18
1.7 Soalan Kajian	18

1.8	Kerangka Konseptual Kajian	19
1.9	Definisi Operasional	22
1.10	Signifikan Kajian	26
1.11	Batasan Kajian	28
1.12	Rumusan	29
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	30
2.2	Definisi Konsep	30
2.3	Teori Pembinaan Modul PProKom dan Teori yang Menyokong Kajian	33
2.3.1	Model Reka Bentuk Instruksi ASSURE (1996)	34
2.3.2	Model Pendekatan Projek yang dipelopori oleh Katz dan Chard (2000)	37
2.3.3	Pendekatan Pengajaran dalam KSPK	43
2.3.4	Kemahiran Berkomunikasi Murid Prasekolah	45
2.3.5	Teknik Delphi	49
2.3.6	Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget	50
2.3.7	Konsep Perancah (<i>Scaffolding</i>) Lev Vygotsky	57
2.3.8	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	63
2.3.9	Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner	66
2.4	Ciri Kebolegunaan Modul	70
2.5	Model Pengetahuan Pedagogi Guru	72

2.6	Sorotan Kajian yang Lalu	
	2.6.1 Pengetahuan Pedagogi Guru	76
	2.6.2 Pendekatan Projek	80
	2.6.3 Kemahiran Berkomunikasi Murid Prasekolah	88
2.7	Kerangka Teori Kajian	97
2.8	Rumusan	100
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	101
3.2	Reka Bentuk Kajian	101
3.3	Persampelan Kajian	104
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	109
	3.4.1 Analisis Dokumen	109
	3.4.2 Pemerhatian	112
	3.4.3 Temu Bual	116
	3.4.4 Rakaman Video	122
3.5	Kredibiliti Kajian	123
3.6	Kajian Rintis	124
3.7	Teknik Delphi	128
3.8	Latihan dan Penjelasan Modul	133
3.9	Tatacara Analisis Data	134
3.10	Rumusan	141

BAB 4	PEMBINAAN MODUL PProKom	
4.1	Pendahuluan	142
4.2	Tujuan Pembinaan Modul	142
4.3	Reka Bentuk Pembinaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendekatan Projek untuk Mengalakkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Prasekolah MPProKom	143
	4.3.1 Fasa Pembinaan Modul PProKom	147
	4.3.2 Fasa Pelaksanaan PProKom	147
	4.3.3 Penilaian Modul PProKom	148
4.4	Pembinaan Modul PProKom	148
4.5	Penerangan Langkah Membina Modul Menggunakan Model Instruksi ASSURE (1996)	150
	4.5.1 Langkah 1: Analisis Pelajar	150
	4.5.2 Langkah 2: Nyatakan Objektif-objektif Pembelajaran Secara Khusus	152
	4.5.3 Langkah 3: Pilih Kaedah, Media dan Bahan	153
	4.5.4 Langkah 4: Penggunaan Media dan Bahan Modul PProKom	155
	4.5.5 Langkah 5: Libatkan Pelajar	157
	4.5.6 Langkah 6: Menilai dan Semak Semula Keseluruhan Proses Pengajaran	158
4.6	Pelaksanaan dan Penilaian Modul PProKom	159
	4.6.1 Penilaian Pakar	160
	4.6.2 Penilaian Guru dan Kajian Rintis	163

4.7	Prototaip Modul Akhir PProKom	171
4.8	Rumusan	173
BAB 5 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		
5.1	Pendahuluan	175
5.2	Rumusan Analisis dan Dapatan Kajian	175
5.3	Profil Peserta Kajian	176
5.4	Soalan Kajian 1 Bagaimanakah prototaip Modul PProKom dibina dengan menggabungkan pendekatan projek dan kemahiran berkomunikasi?	182
5.5	Soalan Kajian 2 Apakah ciri-ciri kebolegunaan Modul PProKom dalam membantu guru melaksanakan pendekatan projek?	183
5.6	Soalan Kajian 3 Bagaimanakah pelaksanaan Modul PProKom dapat meningkatkan pengetahuan pedagogi guru prasekolah?	215
5.7	Soalan Kajian 4 Bagaimanakah pelaksanaan Modul PProKom dapat menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah?	249
5.8	Rumusan	277
BAB 6 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN		
6.1	Pendahuluan	279
6.2	Rumusan Dapatan Kajian	280
6.3	Perbincangan	283
	6.3.1 Pembinaan Modul PProKom	284

6.3.2	Ciri-ciri Kebolegunaan Modul PProKom	287
6.3.3	Pengetahuan Pedagogi Guru: Peranan Modul PProKom dalam membantu guru melaksanakan pendekatan projek	290
6.3.4	Kemahiran Berkomunikasi Murid Prasekolah	297
6.4	Implikasi	303
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	311
6.6	Penutup	313
	RUJUKAN	314

SENARAI LAMPIRAN

MUKA SURAT

Lampiran A	Contoh Aktiviti Unit 1 Modul PProKom	326
Lampiran B	Soalan Temu Bual Terbuka Panel Delphi Pusingan 1	336
Lampiran C	Soal Selidik Penilaian Pakar Delphi Pusingan 2	337
Lampiran D	Soalan Temu Bual Guru Sebelum Menggunakan Modul PProKom	343
Lampiran E	Soalan Temu Bual Guru Selepas Menggunakan Modul PProKom	344
Lampiran F	Borang Pemerhatian Pengajaran Guru	345
Lampiran Ga)	Senarai Semak Pemerhatian Murid dan Panduan Mentaksir Kemahiran Berkomunikasi Murid	347
Lampiran Gb)	Senarai Semak Pemerhatian Murid	350
Lampiran H	Soalan Temu Bual Murid	351
Lampiran I	Surat Kebenaran Peserta Kajian	352
Lampiran J	Surat Kebenaran Ibu Bapa	353
Lampiran K	Contoh Surat Lantikan Pakar	354
Lampiran L	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia	355
Lampiran M	Surat Kebenaran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang	356
Lampiran N	Contoh Petikan Transkripsi Temu Bual Guru	357
Lampiran O	Contoh Catatan Borang Pemerhatian Guru	361
Lampiran P	Aktiviti Murid	364
Lampiran Q	Contoh Jurnal Guru	372

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

1.1	Analisis Terhadap Modul Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	9
2.1	Standard Pembelajaran Kemahiran Berkomunikasi ditetapkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	47
3.1	Taburan Tadika Islam Pulau Pinang	105
3.2	Rumusan Peserta Kajian	106
3.3	Aspek Pelaksanaan Pemerhatian Peserta Kajian	114
3.4	Tarikh Pelaksanaan Pemerhatian Peserta Kajian	114
3.5	Agihan Item Soalan Temu Bual Mengikut Soalan Kajian	119
3.6	Tarikh Pelaksanaan Temu Bual dengan Peserta Kajian	121
3.7	Dapatan Kajian Rintis	125
3.8	Rumusan Pandangan Pakar Delphi Pusingan Pertama	131
3.9	Perkaitan antara Soalan Kajian, Konstruk, Cara Mengumpul dan Cara Analisis Data	140
4.1	Langkah Pembinaan Modul PProKom Berdasarkan Model ASSURE	149
4.2	Pemilihan Bahan Bantu Mengajar Prototaip Modul PProKom	154
4.3	Rumusan Pandangan Pakar Terhadap Kesesuaian Modul PProKom	162
5.1	Kod-kod Mengikut Tema	176
5.2	Cara Pengendalian PdP Sebelum Menggunakan Modul PProKom	187
5.3	Pemerhatian Ke atas Guru A	195
5.4	Pemerhatian Ke atas Guru B	196
5.5	Sumber Data Soalan Kajian 2	215
5.6	Sumber Data Soalan Kajian 3	249
5.7	Sumber Data Soalan Kajian 4	277

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	21
Rajah 2.1	Model Pengetahuan Pedagogi Kajian	75
Rajah 2.2	Kerangka Teori Kajian	99
Rajah 4.1	Rumusan Proses Pembinaan Modul PProKom	174

SENARAI SINGKATAN

KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
Modul PProKom	Modul Berasaskan Pendekatan Projek untuk Kemahiran Berkomunikasi
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
TADIS	Tadika Islam
JHEAIPP	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

PEMBINAAN MODUL BERASASKAN PENDEKATAN PROJEK UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI MURID TADIKA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah modul pengajaran sebagai panduan guru prasekolah untuk melaksanakan pendekatan projek. Pembinaan modul berkenaan berfokuskan pemberian bimbingan guru menjalankan Pendekatan Projek untuk menggalakkan beberapa kemahiran berkomunikasi murid prasekolah dengan merujuk Model Pendekatan Projek yang dipelopori oleh Katz dan Chard (2000), Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) dan Model Pengajaran ASSURE (1996). Modul tersebut dinamakan Modul PProKom dihasilkan untuk menggalas tanggungjawab bagi menyelesaikan masalah kelemahan dan kekurangan modul, guru tidak faham cara mengendalikan Pendekatan Projek dan beberapa masalah penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid prasekolah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif melibatkan reka bentuk kajian kes ke atas dua Tadika Islam Negeri Pulau Pinang. Pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen menjadi kaedah utama untuk mengumpul data kajian. Beberapa teori pengajaran dan pembelajaran, Model Pengajaran ASSURE dan proses penilaian menggunakan teknik ubah suaian Delphi telah digabungkan untuk membina prototaip Modul PProKom yang berkualiti. Modul PProKom didapati memiliki ciri-ciri kebolegunaan yang bersifat praktikal iaitu mudah difahami, jelas, bermaklumat, berfaedah dan meyakinkan pengguna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Modul PProKom membantu guru mengaplikasi Pendekatan Projek dengan berkesan. Dapatan kajian turut menunjukkan kesan positif terhadap pengetahuan pedagogi guru prasekolah dan uniknya sifat Pendekatan Projek ialah

peluang yang tersedia bagi proses pembelajaran secara aktif. Guru dapat memantapkan amalan pedagogi berpusatkan murid serta menggalakkan murid berinteraksi secara positif. Guru juga telah menguasai kemahiran menyoal, membimbing, menggunakan teknologi, mengurus aktiviti murid serta melibatkan ibu bapa dan komuniti melalui aktiviti pendekatan projek. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengaplikasian Pendekatan Projek dapat menggalakkan murid menguasai kemahiran berkomunikasi seperti melibatkan diri secara aktif dalam kumpulan, bekerjasama, saling membantu ketika meneroka untuk mendapatkan maklumat, mengikut peraturan, yakin dan berani untuk mendemonstrasikan sesuatu projek secara berkesan. Keputusan kajian ini menunjukkan murid telah menguasai beberapa kemahiran berkomunikasi yang diuji, iaitu i) BM2.2.5 menyoal dengan menggunakan sebutan yang betul dengan bimbingan, ii) BM2.2.6 mengemukakan soalan yang sesuai dan mudah difahami, iii) BM2.2.7 menjawab soalan dengan ayat yang mudah dan sesuai, iv) BM2.4.1 menceritakan perkara yang didengar dengan menggunakan ayat yang mudah dan v) BM2.5.1 main peranan mengikut situasi. Aktiviti Pendekatan Projek yang disediakan berjaya menarik perhatian murid melibatkan diri secara aktif menerusi aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Kajian ini mencadangkan bahawa pengintegrasian pendekatan projek dengan kemahiran berkomunikasi secara modular memberi faedah secara optimum kepada guru dan murid prasekolah. Guru memperoleh pengetahuan baharu untuk menggarapkan elemen pembelajaran berpusatkan murid melalui Pendekatan Projek Modul PProKom diharapkan dapat memainkan peranan sebagai bahan sumber Pendekatan Projek yang berguna kepada warga pendidik.

DEVELOPMENT OF A MODULE BASED ON THE PROJECT APPROACH TO ENHANCE PRESCHOOLERS' COMMUNICATION SKILLS

ABSTRACT

This study aims to develop a teaching module named PProKom as a guide for preschool teachers to implement the Project Approach. This module focuses on guiding teachers in implementing Project Approach to enhance communication skills among preschoolers based on the PBP model by Katz and Chard (2000), the National Preschool Standard Curriculum (KPM, 2010), and the ASSURE Instructional Model (1996). The development of the PProKom module is aimed at addressing the issues of weaknesses and a lack of existing modules, teachers' lack of understanding in the implementation of Project Approach, and to target problems of communication skills among preschoolers. The qualitative approach with a case study design was used in this study, involving two Penang Islamic Kindergartens as sample. Observations, interviews and document analysis were the main methods used to collect data. A few teaching and learning theories, the ASSURE instructional model and an evaluation process using a modified Delphi technique were combined to construct a prototype of the PProKom module. This module was found to possess characteristics such as being practical, user friendly, informative and making users more confident. Findings proved that the use of the PProKom module helped teachers to apply the Project Approach effectively. It showed a positive impact on teachers' pedagogical knowledge and provided for an active learning process. Teachers were able to enhance their pedagogical practices especially by strengthening student-centered learning that encouraged preschoolers to interact positively while preschoolers also demonstrated positive responses in doing the project. Teachers' were able to conduct

their lessons by applying skills of questioning, facilitating, coaching, managing children's activities, using technology, and involving parents and community through Project Approach. Findings of this study also proved that the application of the Project Approach through PProKom module encouraged preschoolers to enhance communication skills such as interacting actively in group, cooperating and helping each other in searching for information, following rules, and showing confidence and courage to demonstrate a project effectively. The study also found that preschoolers managed to master some of the communication skills tested such as i) BM2.2.5 able to question with correct pronunciation and guidance, ii) BM2.2.6 pose appropriate and understandable questions, iii) BM2.2.7 answer questions using simple and appropriate sentences, iv) BM2.4.1 retell and talk about things using simple sentences, v) BM2.5.1 role play according to different situations. Furthermore, preschoolers appeared more interested to participate when activities were fun and meaningful. Clearly, the PProKom module was capable of guiding and motivating teachers. The study suggests that the modular integration of Project Approach and communication skills is highly beneficial to both teachers and preschoolers. Teachers acquired new knowledge to incorporate elements of student-centered learning through Project Approach. Therefore, the PProKom module has great potential if implemented because it will guide the teachers and preschoolers through systematic activities based on the objectives and learning standards in each unit of the modules. It is hoped that the PProKom module will serve as a useful resource material for preschool teachers.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan merupakan kunci utama untuk menjamin kemajuan sesebuah negara. Sistem pendidikan yang berkualiti mestilah dimulakan dengan peringkat yang paling asas, iaitu pendidikan prasekolah sebagai langkah menjamin kualiti pendidikan seterusnya. Di Malaysia, pendidikan prasekolah termasuk dalam sistem pendidikan negara yang tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996. Kanak-kanak yang berusia antara empat hingga enam tahun diwajibkan mengikuti pendidikan awal di prasekolah. Ini merupakan usaha merealisasikan hala tuju pendidikan prasekolah di Malaysia untuk memberikan asas yang kukuh kepada murid prasekolah sebelum memasuki Tahun 1 di sekolah rendah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan transformasi kurikulum pendidikan prasekolah mulai tahun 2010. Penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) pada tahun 2010 adalah hasil semakan semula terhadap Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003). Proses transformasi kurikulum pendidikan prasekolah melibatkan penyusunan semula dan penambahbaikan ke atas reka bentuk, organisasi, pedagogi, penegasan kurikulum, peruntukan masa dan pengurusan kurikulum (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010b).

Pendidikan prasekolah mempunyai matlamat untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang

selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c). Matlamat tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c).

Matlamat yang telah digariskan menerusi KSPK tersebut mengutamakan aspek pembelajaran berpusatkan murid. Menyedari hakikat ini guru prasekolah wajar memantapkan kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berfokuskan murid seperti Pendekatan Projek. Hal ini amat dibantu oleh KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010) yang berasaskan standard dan berbentuk modular. Guru diberikan kebebasan menjalankan aktiviti mengikut kreativiti mereka berlandaskan KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c).

Transformasi kurikulum dilaksanakan bertujuan untuk membekalkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa dan tuntutan masa hadapan. KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) telah menetapkan garis panduan bagi mencapai asas pengetahuan murid di peringkat prasekolah. KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang mampu dicapai oleh murid-murid menerusi enam Tunjang Pembelajaran. Kemahiran berkomunikasi murid prasekolah juga dijelaskan menerusi enam objektif daripada sembilan belas objektif pendidikan prasekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c). Bagi mencapai matlamat tersebut, KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) telah menyenaraikan beberapa pendekatan pengajaran sebagai asas untuk dilaksanakan oleh

guru prasekolah, iaitu pembelajaran berpusatkan murid, inkuiri penemuan, belajar melalui bermain, pendekatan bersepadu, pendekatan bertema, pembelajaran projek, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran berdasarkan kepelbagaian kecerdasan.

Kesemua pendekatan yang dicadangkan mempunyai kekuatan yang tersendiri tetapi sangat bergantung pada cara guru mengendalikan sesi PdP. Dalam kebanyakan pendekatan yang disenaraikan, pendekatan projek merupakan pendekatan yang memerlukan ketelitian dari aspek pengurusan masa dan aktiviti tetapi mempunyai banyak kelebihan. Namun demikian, berdasarkan tinjauan awal mendapati pendekatan projek jarang dilaksanakan di prasekolah (Noor Miza Abdul Rahman, Fadzilah Amzah & Anna Christina Abdullah, 2012; Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012).

Guru mesti bersedia untuk melaksanakan amalan pengajaran yang berpusatkan murid serta mencabar minda murid seperti pendekatan projek. Pendekatan projek menurut Katz dan Chard (2000) dapat menggalakkan penerokaan ilmu manakala Walker dan Leary (2008) menyifatkan pendekatan projek sebagai pendekatan yang lebih berkesan berbanding pendekatan tradisional. Pendekatan tersebut dicadangkan supaya dapat mencapai matlamat pendidikan prasekolah seperti yang ditetapkan dalam KSPK (KPM, 2010). Melaksanakan pendekatan projek bermakna guru secara tidak langsung turut melaksanakan pendekatan-pendekatan lain kerana sifat pendekatan projek yang boleh menggabungkan pelbagai kemahiran dan teknik pengajaran.

Sehubungan itu, kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid prasekolah wajar diberikan perhatian memandangkan pada peringkat usia sejak lahir hingga usia empat tahun melalui PERMATA Negara (2009) dan *Draf Early Learning and Development Standards Malaysia, ELDS* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010a) telah

menyenaraikan kemahiran berkomunikasi sebagai elemen asas untuk memperkayakan ilmu pengetahuan dan proses pembelajaran kanak-kanak.

Pendekatan projek merupakan satu pendekatan yang boleh merangsang kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Pendekatan projek merujuk kepada teknik pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan kanak-kanak berinteraksi sesama sendiri, dengan objek dan persekitaran yang bermakna kepada mereka (Katz & Chard, 1990; Helm & Beneke, 2003). Pendekatan projek akan menggalakkan kanak-kanak menyoal untuk mendapatkan maklumat, membincangkan sesuatu topik malah menyiasat sesuatu perkara dengan lebih mendalam supaya dapat melalui proses pembelajaran yang bermakna (Ebbeck, Ebbeck & Sanly, 2010; Helm & Katz, 2001). Oleh itu, kemahiran berinteraksi murid prasekolah akan berkembang dengan pesat.

Oleh itu, guru prasekolah mestilah bijak memilih pendekatan yang sesuai untuk mencapai standard pembelajaran dalam usaha menggalakkan kemahiran berkomunikasi dan merealisasikan objektif pendidikan prasekolah. Pendekatan berpusatkan murid yang menggunakan pendekatan projek (Katz & Chard, 2000) didapati mampu digunakan ke arah menggalakkan penguasaan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah (Ebbeck et al. 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan asas yang penting kerana ia merupakan pendidikan formal terawal yang diterima oleh seseorang kanak-kanak dalam perkembangan hidupnya selain pendidikan informal yang diterima di rumah. Akhir-akhir ini pendidikan awal kanak-kanak secara formal bukan sekadar tertumpu kepada kumpulan kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun di peringkat prasekolah tetapi

telah diperluaskan kepada usia selepas lahir hingga empat tahun melalui pelaksanaan kurikulum PERMATA Negara (2009) dan *Early Learning and Development Standards Malaysia, ELDS* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010a).

Menyedari hakikat pentingnya pendidikan awal kanak-kanak sebagai asas pendidikan sepanjang hayat, maka aspek kemahiran berkomunikasi dan pendekatan berpusatkan murid perlu diutamakan sebagai usaha mengukuhkan lagi penguasaan pengetahuan kanak-kanak. Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang penting bagi memastikan pendekatan pengajaran yang digunakan bertepatan dengan keperluan semasa (Mohamed Ayob Sukani, 2013), amalan menyuburkan potensi kanak-kanak (Rohaty Mohd. Majzub, 2003) dan juga kehendak ibu bapa. Pendekatan projek merupakan pendekatan yang sesuai dengan keperluan abad ke-21 (Walker & Leary, 2008). Pendekatan proejk diperkenalkan melalui program Reggio Emilia atau *Reggio Approach* di Italy (Helm & Katz, 2001). Melalui pendekatan projek murid-murid akan diberi peluang untuk meneroka realiti kehidupan sebenar, meneroka pengetahuan baru (Katz, 2003), berfikir dan menyelesaikan masalah serta belajar mengikut kadar kemampuan sendiri melalui kaitan yang relevan dengan pengalaman sedia ada (Rohani Abdullah, 2001). Ini bersesuaian dengan pandangan Walker dan Leary (2008) bahawa pendekatan projek merupakan kaedah pembelajaran yang bersifat autentik. Pengalaman sebenar melalui pendekatan projek boleh menggalakkan proses berkomunikasi murid terutama melalui perkongsian idea dan pengalaman murid (Ebbeck et al., 2010).

Katz dan Chard (2000) membahagikan fasa pengajaran guru kepada tiga, iaitu fasa permulaan projek, pelaksanaan projek dan merumuskan projek. Oleh itu, guru memerlukan panduan terperinci tentang cara merealisasikan pendekatan projek mengikut fasa yang ditetapkan oleh Katz dan Chard (2000) apatah lagi jika ingin menggalakkan

murid berkomunikasi dengan baik. Model pendekatan projek oleh Katz dan Chard (2000) juga menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam melaksanakan pendekatan projek. Penglibatan ibu bapa dalam pendekatan projek dapat mewujudkan kesinambungan proses pembelajaran murid selain dapat memupuk kesedaran bahawa orang dewasa perlu sentiasa membimbing kanak-kanak.

Kemahiran berkomunikasi murid merupakan aspek utama kemahiran berbahasa disebabkan murid yang mampu berinteraksi dengan berkesan akan lebih bermotivasi untuk belajar seterusnya menggalakkan proses penerokaan pengetahuan (Vygotsky, 1978: Lattimer & Riordan, 2011). Proses penerokaan boleh berlaku menerusi aktiviti seperti perbincangan, perbualan, penysoalan dan perkongsian pengalaman menggunakan kemahiran berkomunikasi. Bahasa boleh merentas kurikulum manakala kemahiran berkomunikasi akan berperanan membantu kanak-kanak meneroka dunia pengetahuan di samping dapat melonjakkan keterampilan diri.

Terdapat enam daripada 19 objektif yang ditetapkan oleh KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) memberi penekanan kepada kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Ini menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi amat penting. Kemahiran berkomunikasi akan membantu murid prasekolah faham konsep sains dan kemahiran menyoal akan menggalakkan penguasaan perbendaharaan kata murid (Hope-Southcott, 2010). Jika murid dapat berkomunikasi dengan baik akan meningkatkan keyakinan kanak-kanak untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran (Hohmann, 1999). Dapatan-dapatan kajian yang dinyatakan ini menunjukkan pengaruh kemahiran berkomunikasi murid prasekolah amat luas untuk menggalakkan pelbagai kemahiran mereka.

KSPK (2010) melalui Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia, telah menetapkan kemahiran berkomunikasi sebagai kemahiran bertutur di bawah Fokus BM2.0 melibatkan lima standard kandungan utama yang dibahagikan kepada murid berusia empat hingga enam tahun (dicatatkan sebagai 4+ dan 5+ dalam KSPK, 2010). Pada peringkat usia lima tahun, KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) mengharapkan murid prasekolah dapat menguasai kemahiran berkomunikasi seperti standard pembelajaran berikut:

- BM2.1.3 Berbual dengan menggunakan ayat yang mudah dengan sebutan yang betul.
- BM2.1.4 Berinteraksi secara sopan dan bertatasusila.
- BM2.1.5 Menyatakan permintaan dengan sopan.
- BM2.1.6 Memberikan arahan kepada rakan secara bertatasusila.
- BM2.1.7 Menamakan objek di persekitaran.
- BM2.2.5 Menyoal dengan menggunakan sebutan yang betul dengan bimbingan guru.
- BM2.2.6 Mengemukakan soalan yang sesuai dan mudah difahami.
- BM2.2.7 Menjawab soalan dengan ayat yang mudah dan sesuai.
- BM2.2.8 Bersoal jawab secara bersopan.
- BM2.3.2 Melafazkan pantun dengan intonasi yang betul.
- BM2.3.3 Mendeklamasi sajak yang mudah dan ringkas.
- BM2.4.1 Menceritakan perkara yang didengar dengan menggunakan ayat yang mudah.
- BM2.5.1 Main peranan mengikut situasi dengan menggunakan bahasa yang sesuai untuk menghidupkan watak dengan bimbingan.

Berdasarkan kemahiran berkomunikasi yang tersenarai dalam KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c), terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru untuk menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid. Masalah ini akan cuba diselesaikan melalui penyelidikan yang akan dijalankan. Fokus kepada standard pembelajaran kemahiran berkomunikasi menjadi tunggak kepada kecemerlangan murid prasekolah apatah lagi amalan berkomunikasi itu mempengaruhi sahsiah seseorang. Armbruster (2001) pula menyatakan bahawa peluang kelancaran membaca mampu

ditingkatkan melalui peluang melibatkan diri dengan aktiviti lisan secara berulang dengan berkesan. Interaksi lisan menjadi sumber maklumat dan alat pembinaan makna dalam pembelajaran (Kamisah Buang, 2013) manakala menurut Roselan Baki (2003) pula interaksi lisan boleh menggalakkan pembinaan pengetahuan.

Dalam konteks kajian ini, kemahiran lisan atau berkomunikasi menjadi asas kepada penguasaan sesuatu kemahiran bahasa. PdP yang menjurus kepada penguasaan kemahiran berkomunikasi boleh dikukuhkan melalui pendekatan projek. Kajian yang akan dijalankan ini cuba menghasilkan modul yang menggabungkan usaha mencapai kemahiran berkomunikasi murid prasekolah melalui pendekatan projek. Kemahiran berkomunikasi dalam konteks kajian ini akan merujuk kepada kemahiran bertutur yang digariskan dalam KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) yang akan diuraikan dalam Bab 2 penulisan ini.

1.3 Penyataan Masalah

Beberapa masalah kajian telah dikenal pasti berpandukan kepada tinjauan literatur, tinjauan awal dan analisis keperluan yang telah dijalankan berkaitan rasional pembinaan modul pendekatan projek dan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Bahagian ini membincangkan masalah kajian ini. Perbincangan ini merupakan panduan kepada penyelidik untuk merealisasikan penyelidikan yang dijalankan.

1.3.1 Pembinaan Modul Pendekatan Projek

Kementerian Pelajaran Malaysia telah membekalkan modul PdP kepada guru prasekolah seperti Modul Teras Asas dan Modul Bertema. Walau bagaimanapun modul yang memberi fokus kepada pelaksanaan pendekatan projek masih tidak mencukupi. Analisis

yang dijalankan terhadap modul sedia ada kurang memberi perhatian kepada pendekatan projek dan kemahiran berkomunikasi (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012). Rumusan terhadap analisis modul berkenaan dipamerkan dalam Jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1 Analisis Terhadap Modul KSPK

Modul	Analisis Aktiviti Projek dan Kemahiran Berkomunikasi
Bertema	Hanya 52 daripada 159 aktiviti melibatkan pendekatan projek tetapi lebih kepada penghasilan tugas dan pengenalan tunjang KSPK (2010). Wujud aktiviti ulangan dan bersifat generik.
Teras Asas Bahasa Malaysia	Hanya 3 daripada 44 aktiviti melibatkan pendekatan projek.

Kajian-kajian di Malaysia sebelum ini menunjukkan guru kurang mahir dan tidak faham cara menggunakan pendekatan berpusatkan murid seperti pendekatan projek di prasekolah (Saemah Rahman, Ruhizan Mohd Yasin & Siti Fatimah Mohd Yassin, 2010: Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012). Guru prasekolah juga berhadapan dengan masalah mengaplikasi pendekatan projek khususnya dari aspek kawalan bilik darjah dan kesukaran murid memahami arahan yang diberikan (Ng & Anna Christina Abdullah, 2011). Berdasarkan kajian awal yang telah dilaksanakan (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012) didapati seramai 11 orang guru daripada 25 orang guru yang ditemu bual menyatakan tidak pasti cara menjalankan pendekatan projek di prasekolah. Kekeliruan tentang perancangan aktiviti, perancangan masa, penyediaan bahan dan pemantauan ketika menjalankan aktiviti berasaskan projek boleh mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pendekatan projek. Manakala kajian Azizah Zain dan Abdul

Aziz Abdul Shukor (2012) menunjukkan seramai 86 peratus (62 orang) daripada 72 orang guru prasekolah berminat untuk mempelajari pendekatan projek dan 75 peratus (54 orang) memerlukan latihan dalam melaksanakan pendekatan ini.

Masalah kekurangan bahan atau sumber rujukan (Ng & Anna Christina Abdullah, 2011: Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012: Hairul Nizam Ismail & Baharuddin Abdul Rahman, 2012) juga menjadi halangan kepada guru prasekolah di negara ini untuk melaksanakan pendekatan projek selain tidak mahir menguruskan aktiviti projek. Pendekatan projek disaran selaku amalan pedagogi yang sesuai namun guru tidak bersedia untuk mengintegrasikan kandungan dalam aktiviti yang bersifat sebenar (Azizah Zain, 2013). Hal ini turut dialami oleh guru prasekolah di Taiwan dan Hong Kong (Yi, 2010: Mai, 2011). Pembinaan modul kajian ini diharap boleh memenuhi keperluan menyediakan sumber rujukan yang mampu memantapkan pengetahuan pedagogi guru.

Beberapa kajian terdahulu menunjukkan aplikasi pendekatan projek menggunakan Model Katz dan Chard (2000) telah berjaya memberikan panduan melaksanakan pendekatan projek kepada guru prasekolah (Mai, 2011: Yi, 2010: Alkon, 2004: Katz & Chard, 2000: Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012). Oleh itu, model berkenaan boleh dilaksanakan dalam kalangan guru prasekolah di Malaysia sebagai percubaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi khususnya dalam populasi guru prasekolah di Tadika Islam sebagai sasaran kajian ini.

Pendedahan terhadap cara menggunakan Model Pendekatan Projek oleh Katz dan Chard (2000) perlu dilaksanakan di negara ini sebagai panduan kepada guru prasekolah bagi menghadapi cabaran untuk mengaplikasikan pendekatan projek (Lau, 2005: Yuen, 2009: Mitchell & Rathkey, 2009: Yi, 2010: Saemah et al., 2010: Ng & Anna

Christina Abdullah, 2011: Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012). Dapatan kajian sebelum ini mewujudkan peluang untuk mencari jalan penyelesaian memandangkan tiada kajian yang dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan pelaksanaan pendekatan projek melalui pembinaan modul setakat ini (Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2013) .

Kajian terhadap pelaksanaan pendekatan projek di prasekolah menunjukkan bahawa guru lebih banyak memberikan arahan, mementingkan hasil tugas yang diberikan dan tidak mengikut prosedur pendekatan projek yang betul (Noor Miza Abdul Rahman et al.: Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012). Sehubungan itu, rangsangan melalui perbualan dan perbincangan tidak ditekankan. Tiada peluang diberikan kepada murid untuk menggunakan kreativiti sendiri malah interaksi sosial tidak berlaku. Murid tidak diberikan pendedahan atau berbual tentang sesuatu topik dengan lebih mendalam supaya menggalakkan kemahiran berkomunikasi (Noor Miza Abdul Rahman, Anna Christina Abdullah & Aznan Che Ahmad, 2012).

Pelaksanaan pendekatan projek di luar negara seperti negara barat menggunakan perspektif yang hampir sama dengan di Taiwan (Yi, 2010), iaitu menggunakan Model Pendekatan Projek Katz dan Chard (2000). Kajian Alkon (2004) tentang pelaksanaan pendekatan projek di Mexico misalnya, mempamerkan kelainan dan keistimewaan pendekatan projek dalam menguasai sesuatu topik dan kemahiran berkomunikasi. Berdasarkan laporan Alkon (2004) murid prasekolah berusia lima tahun diberikan pendedahan tentang sesuatu topik secara terperinci dan penentuan aktiviti projek lebih mengutamakan minat murid.

Perbualan tentang topik begitu memberangsangkan murid untuk melibatkan diri dalam menyoyal dan menyentuh bahan maujud (Alkon, 2004). Murid dibimbing

menjalankan aktiviti dan sesi perkongsian pengalaman secara lisan. Oleh itu, murid diperkenalkan dengan perkataan-perkataan baharu ketika menjalankan projek. Proses pembelajaran yang dilalui oleh murid memperlihatkan peluang untuk berkomunikasi serta melakukan sesuatu secara *hands on*. Percambahan idea murid dapat diberi motivasi melalui perbualan tentang hasil projek dan pengalaman murid.

Berdasarkan huraian tentang pelaksanaan pendekatan projek di dalam dan luar negara, jelas membuktikan bahawa cara guru menjalankan pendekatan projek di negara ini masih jauh ketinggalan tetapi masih boleh diperbaiki. Pelaksanaan pendekatan projek mengikut fasa demi fasa seperti cadangan Katz dan Chard (2000) boleh diubah suai mengikut acuan negara ini. Perkara yang utama ialah pemilihan pendekatan projek sesuai dengan tahap kesediaan belajar murid prasekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) dan menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid (Jacobs, 1999: Katz & Chard, 2000: Alkon, 2004). Pembinaan modul sebagai sumber rujukan guru dilihat sangat penting bagi memenuhi kekurangan bahan rujukan sedia ada.

Kajian Kamisah Buang (2013) mendapati pelbagai kekurangan bahan rujukan menjadi punca halangan untuk guru menjadi lebih mahir. Kajian Kamisah Buang (2013) juga menjelaskan situasi, iaitu guru prasekolah kurang mengamalkan ciri profesional malah kurang mahir dalam pelbagai aspek pelaksanaan PdP. Pembinaan modul kajian yang memilih pendekatan projek sebagai pendekatan utama sesuai untuk memantapkan kemahiran guru prasekolah.

Pemilihan sampel kajian guru Tadika Islam (TADIS) pula menjadi lebih penting memandangkan peluang mereka memperoleh latihan pementapan pedagogi lebih sempit berbanding guru di sekolah kebangsaan. Latar belakang pendidikan mereka yang pelbagai juga merupakan cabaran untuk melaksanakan pendekatan projek dengan

berkesan. Dengan itu, pendedahan pendekatan projek kepada guru TADIS melalui kajian ini dijangka memberikan impak yang positif kepada pengetahuan guru dan menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid.

1.3.2 Kemahiran Berkomunikasi Murid Prasekolah

Kemahiran berkomunikasi, kemahiran bertutur, kemahiran lisan atau verbal sangat penting dalam kehidupan kita apatah lagi dalam dunia kanak-kanak. Maka kemahiran berkomunikasi perlu dipupuk, diajar atau dididik sebaik mungkin supaya murid prasekolah boleh berkomunikasi secara berkesan. Kebolehan bercakap semata-mata belum bermakna seseorang murid prasekolah itu menguasai kemahiran berkomunikasi (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012) memandangkan ciri-ciri kemahiran berkomunikasi yang berkesan memerlukan seseorang murid prasekolah sekurang-kurangnya boleh menyampaikan idea dengan berani, yakin memberikan pendapat, boleh berinteraksi dengan orang lain, menghormati perasaan serta hak orang lain dan mampu menceritakan sesuatu perkara dengan berkesan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c).

Berdasarkan kajian kualitatif yang dijalankan ke atas 25 orang guru prasekolah, didapati guru tidak tahu menjalankan pendekatan projek malah gagal mencapai beberapa standard pembelajaran (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012) yang digariskan oleh KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) misalnya murid belum menguasai standard pembelajaran seperti berikut:

- BM2.2.5 Menyoal dengan menggunakan sebutan yang betul dengan bimbingan guru,
- BM2.2.6 Mengemukakan soalan yang sesuai dan mudah difahami,
- BM2.2.7 Menjawab soalan dengan ayat yang mudah dan sesuai,
- BM2.4.1 Menceritakan perkara yang didengar dengan menggunakan ayat yang mudah, dan

BM2.5.1 Main peranan mengikut situasi dengan menggunakan bahasa yang sesuai untuk menghidupkan watak dengan bimbingan.

Dapatan kajian tersebut menunjukkan guru tidak dapat menguruskan pendekatan projek secara sistematik menjurus kepada kemahiran interaksi yang baik dalam kalangan murid. Manakala guru prasekolah sukar mencapai standard pembelajaran BM2.2.5, BM2.2.6, BM2.2.7, BM2.4.1 dan BM2.5.1 disebabkan kurangnya fokus terhadap peluang berinteraksi ketika sesi PdP (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012) dan tidak tahu cara membimbing yang betul melalui pendekatan projek.

Faktor utama murid sukar mencapai kemahiran berkomunikasi seperti yang diharapkan berpunca daripada masalah penggunaan dialek yang pelbagai, tidak yakin, kurang pendedahan serta sikap ibu bapa dan guru yang kurang memberikan peluang murid melakukan sesuatu secara bermakna (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012). Jika murid melakukan sesuatu perkara yang bermakna dengan bimbingan guru, maka mereka akan bertutur, berbual atau berkomunikasi dalam konteks yang lebih positif bagi memenuhi nilai kesantunan masyarakat Timur. Keadaan ini menjadi lebih sukar disebabkan guru tidak faham cara mengendalikan pendekatan projek, kesan daripada kurang pengetahuan mereka terhadap pendekatan projek.

Hal ini sepatutnya tidak berlaku lantaran konsep penggabungjalinan pelbagai tunjang pembelajaran boleh dilaksanakan melalui pendekatan projek. Hairul Nizam Ismail dan Baharuddin Abdul Rahman (2012) menyatakan bahawa guru kurang bersedia untuk mengintegrasikan kandungan pelajaran kepada aktiviti yang bersifat sebenar. Pendedahan terhadap pendekatan projek mungkin dapat menyelesaikan kesukaran guru menggabungjalinkan pelbagai kemahiran dan tunjang pembelajaran. Ini berasaskan

kepada pandangan Jacobs (1999), Katz dan Chard (2000), Alkon (2004) dan Ebbeck (2010) yang mengatakan bahawa pelaksanaan pendekatan projek boleh membantu guru bukan sahaja menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid malah boleh juga menggalakkan kemahiran-kemahiran lain.

Berdasarkan perbincangan ini, jelas menunjukkan bahawa guru prasekolah memerlukan panduan melaksanakan pendekatan projek dan cara menjalankan aktiviti yang berfokus kepada kemahiran berkomunikasi secara berkesan (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012; Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012). Pendedahan terhadap cara melaksanakan pendekatan projek mungkin boleh membantu guru. Analisis keperluan yang telah dilaksanakan telah menunjukkan bahawa penghasilan modul berasaskan pendekatan projek merupakan satu cara memberi pendedahan kepada guru (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012; Azizah Zain, 2013).

Terdapat beberapa modul KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) yang disediakan sebagai panduan guru. Walau bagaimanapun, modul-modul yang sedia ada tidak memberi fokus khusus terhadap pendekatan projek yang digabungkan dengan penguasaan kemahiran berkomunikasi. Didapati hanya 77 daripada 309 aktiviti yang berfokus kepada kemahiran berkomunikasi murid disediakan dalam kesemua lima modul KSPK seperti Modul Awal Matematik, Modul Bertema, Modul Aktiviti Luar dan Modul Teras Asas dan Modul Pendidikan Islam. Pembinaan modul menerusi kajian ini diharapkan dapat mengisi kekurangan modul sedia ada.

Pembinaan modul pendekatan projek yang menumpukan kemahiran berkomunikasi murid juga dilihat sebagai satu usaha merealisasikan cadangan kajian lepas yang membuktikan bahawa guru kurang faham cara mengendalikan pendekatan projek sedangkan pendekatan ini boleh meningkatkan kemahiran serta perkembangan sosial

kanak-kanak (Ng & Anna Christina Abdullah, 2011; Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012; Azizah Zain, 2013). Di samping itu, pembinaan modul pendekatan projek diharap dapat memenuhi tuntutan kajian terdahulu supaya menyediakan sumber rujukan bertulis berkaitan pendekatan projek yang boleh membantu amalan pedagogi guru (Hairul Nizam Ismail & Baharuddin Abdul Rahman, 2012; Mohamed Ayob Sukani, 2013).

Menurut Anna Christina Abdullah (2000) pula, guru prasekolah lebih cenderung beraksi ke arah menekankan pengalaman individu bukannya pengalaman sosial yang boleh memupuk sikap bekerjasama dan berinteraksi dengan rakan. Oleh itu, pemilihan pendekatan projek dalam pembinaan modul penyelidikan ini dapat membantu memupuk sikap positif dalam diri murid prasekolah dan memberi peluang kepada mereka terlibat dalam aktiviti sosial yang lebih bermakna sebagaimana yang dinyatakan oleh Jacobs (1999).

Penglibatan kanak-kanak dan keupayaan berkomunikasi dengan orang dewasa serta rakan sebaya perlu dikembangkan supaya dapat mencetus perasaan ingin tahu secara intelektual (Noorjahan Sultan, 2013; Anna Christina Abdullah, 2000; Schweinhart & Weikart, 1990). Kekurangan kemahiran sosial semasa zaman kanak-kanak akan menyebabkan individu menghadapi masalah dalam perhubungan dan interaksi sosial semasa remaja dan dewasa kelak (Anna Christina Abdullah, 2000). Kenyataan ini menunjukkan pengaruh kemahiran sosial dan berkomunikasi dalam kehidupan individu (Noorjahan Sultan, 2013). Kebolehan berkomunikasi dalam kalangan murid prasekolah dapat mendorong kanak-kanak menguasai sesuatu pengetahuan dengan lebih bermakna melalui pendekatan projek.

Kajian ini perlu dilaksanakan supaya wujud satu panduan penggunaan pendekatan projek yang jelas bagi mengatasi masalah kekurangan modul pendekatan projek (Ng et al., 2011; Hairul Nizam Ismail & Baharuddin Abdul Rahman, 2012; Azizah Zain & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2012; Azizah Zain, 2013). Secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman guru tentang pendekatan projek (Azizah Zain, 2013). Seterusnya boleh menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Pendekatan projek dilihat menjadi penting untuk diberi perhatian memandangkan pendekatan ini disarankan oleh pihak Kementerian Pendidikan melalui kurikulum prasekolah. Oleh itu, satu kajian yang komprehensif perlu dilaksanakan untuk menghasilkan sebuah modul PdP berasaskan pendekatan projek.

1.4 Rasional Kajian

Kajian ini menumpukan perhatian kepada penghasilan sebuah modul sebagai bahan yang boleh menyumbang kepada sumber rujukan guru. Modul yang dimaksudkan berfokus kepada langkah asas melaksanakan pendekatan projek yang digabungkan dengan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Rasional kajian ini berlandaskan kepada permasalahan yang dihadapi oleh guru, iaitu kekurangan sumber rujukan dan kurang faham prosedur menjalankan pendekatan projek khususnya bagi menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid.

Modul sebagai panduan dibina berdasarkan analisis keperluan yang diperoleh daripada tinjauan awal dan dapatan kajian lepas yang menunjukkan modul sedia ada tidak mencukupi. Oleh itu, kajian ini memberi nilai tambah kepada modul sedia ada yang lebih bersifat generik. Secara tidak langsung membantu proses PdP guru TADIS khususnya dan guru prasekolah lainnya.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan membina sebuah modul sebagai panduan guru melaksanakan pendekatan projek untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Modul yang dihasilkan ini dinamakan Modul Berasaskan Pendekatan Projek untuk Kemahiran Berkomunikasi (PProKom). Modul tersebut memberi penekanan terhadap aktiviti berasaskan projek dalam konteks menggalakkan perkembangan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah.

1.6 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang telah dinyatakan, kajian ini mempunyai objektif khusus seperti berikut:

1. Membina prototaip Modul PProKom dengan menggabungkan pendekatan projek dan kemahiran berkomunikasi.
2. Meneliti ciri-ciri kebolegunaan Modul PProKom dalam membantu guru melaksanakan pendekatan projek.
3. Menganalisis cara pelaksanaan Modul PProKom dalam meningkatkan pengetahuan pedagogi guru prasekolah.
4. Menganalisis cara pelaksanaan Modul PProKom dalam menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah.

1.7 Soalan Kajian

Bagi merealisasikan tujuan dan objektif kajian, penyelidik telah menjalankan kajian untuk menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

1. Bagaimanakah prototaip Modul PProKom dibina dengan menggabungkan pendekatan projek dan kemahiran berkomunikasi?
2. Apakah ciri-ciri kebolegunaan Modul PProKom dalam membantu guru melaksanakan pendekatan projek?
3. Bagaimanakah pelaksanaan Modul PProKom dapat meningkatkan pengetahuan pedagogi guru prasekolah?
4. Bagaimanakah pelaksanaan Modul PProKom dapat menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah?

1.8 Kerangka Konseptual Kajian


Penyelidikan yang dilaksanakan ini berasaskan kepada masalah kekurangan modul pendekatan projek, masalah pelaksanaan pendekatan projek dan masalah berkomunikasi murid prasekolah yang merujuk kepada standard pembelajaran dalam KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c). Model ASSURE (Heinich, Molenda & Smaldino, 1996) dan Model Pendekatan Projek (Katz dan Chard, 2000) digunakan untuk menghasilkan prototaip Modul PProKom. Model-model berkenaan digabungkan menerusi aplikasi pembinaan modul untuk membantu guru melaksanakan pendekatan projek secara sistematik dan menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah.

Menerusi Rajah 1.1, penyelidik merumuskan prosedur yang diikuti untuk membina Modul PProKom yang berlandaskan Model Instruksi ASSURE (Heinich, Molenda & Smaldino, 1996) bagi menjawab Soalan Kajian 1. Setiap langkah saranan Model ASSURE (Heinich, Molenda & Smaldino, 1996) diterjemahkan mengikut pembahagian, iaitu pembinaan modul, pelaksanaan dan penilaian yang dijalankan secara

serentak. Modul yang dihasilkan menggabungkan aplikasi pendekatan projek menggunakan Model Katz dan Chard (2000) untuk menggalakkan penguasaan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Huraian lengkap prosedur pembinaan dijelaskan dalam Bab 4 penulisan ini.

Penghasilan modul ini memastikan pendekatan projek menggunakan Model Pendekatan Projek oleh Katz dan Chard (2000) dapat dimantapkan dengan bimbingan guru melalui Teknik Perancah (*scaffolding*), dan disesuaikan dengan standard pembelajaran yang ditetapkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c) supaya panduan lengkap diperoleh. Enam peringkat yang disarankan dalam Model Instruksi ASSURE (Heinich, Molenda & Smaldino, 1996) merangkumi proses pembinaan, pelaksanaan dan penilaian dilaksanakan untuk menghasilkan Modul PProKom kajian ini. Di samping itu, Teknik Delphi dan Model ASSURE (Heinich, Molenda & Smaldino, 1996) digunakan bagi menilai prototaip Modul PProKom.

Teknik Delphi digunakan sebagai langkah mengukuhkan kebolehpercayaan prototaip Modul PProKom dan proses penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi menyempurnakan Modul PProKom. Pandangan pakar Delphi yang dilantik secara langsung membantu pelaksanaan penyelidikan ini dengan sistematik supaya menjamin kebolehgunaan modul, pengetahuan pedagogi guru malah kemahiran berkomunikasi murid. Penilaian oleh panel yang dilantik telah mengukuhkan kebolehgunaan modul di prasekolah. Rajah 1.1 berikut merupakan kerangka konsep kajian yang disusun mengikut peringkat dalam penyelidikan ini.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

1.9 Definisi Operasional

Penggunaan istilah dalam kajian ini dibataskan berdasarkan skop kajian iaitu pembinaan modul berasaskan pendekatan projek dan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Untuk mencapai objektif yang ditetapkan, penyelidik telah menggunakan definisi operasi berikut:

Modul PProKom

Modul PProKom merujuk kepada modul yang dibina sendiri oleh penyelidik yang membawa maksud Modul Berasaskan Pendekatan Projek untuk Kemahiran Berkomunikasi. Modul PProKom mengandungi empat unit lengkap menjelaskan prosedur yang perlu dilaksanakan oleh guru prasekolah dalam proses menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Modul ini merujuk Model Pendekatan Projek oleh Katz dan Chard (2000) yang boleh membantu guru menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid prasekolah. Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah menggabungkan pendekatan projek dan kemahiran berkomunikasi mengikut empat tema yang dipilih berdasarkan KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c). Modul yang dibina bukan bertujuan menyekat kreativiti guru. Guru boleh mengubah suai aktiviti mengikut keadaan dan minat murid.

Pendekatan Projek

Pendekatan projek merupakan satu daripada pendekatan berpusatkan murid (Katz & Chard, 2000). Kajian ini menggunakan Model Pendekatan projek yang dicadangkan oleh Katz dan Chard (2000) melibatkan tiga fasa pelaksanaan, iaitu Fasa Permulaan Projek, Fasa Pelaksanaan Projek dan Fasa Merumuskan Projek. Pendekatan projek

mengutamakan proses membimbing kanak-kanak untuk mengemukakan soalan, membincangkan topik-topik tertentu, menyatakan pendapat dan memilih cara untuk menjalankan penyiasatan mendalam berkaitan dunia sebenar (Katz & Chard, 2000). Pendekatan projek melibatkan murid dalam pelbagai tugas menyelesaikan masalah. Pendekatan ini menggalakkan proses pembelajaran secara aktif di samping menyediakan murid dengan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (Helm & Beneke, 2003). Dalam konteks kajian ini, pendekatan projek memberi fokus kepada usaha membantu guru menjalankan prosedur atau cara pendekatan projek secara sistematik dalam konteks menggalakkan kemahiran berkomunikasi murid. Proses penghasilan projek lebih diberi perhatian bukannya terhadap hasil akhir projek murid.

Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika

Menurut Kamus Dewan (2010), berkomunikasi adalah berhubungan atau mengadakan perhubungan (bercakap, berbincang atau bertukar-tukar pendapat). Komunikasi pula adalah pengaliran sesuatu mesej dari pemberi kepada penerima maklumat melalui sesuatu saluran seperti perkataan, tulisan, gambar dan sebagainya (Abdul Halim Hassan, 1994). Kementerian Pelajaran Malaysia (2010) menetapkan kemahiran berkomunikasi di dalam dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di bawah Tunjang Komunikasi. Kemahiran berkomunikasi merujuk kepada keupayaan seseorang murid prasekolah berinteraksi dan berhubung dengan mesra, bersopan dan menggunakan ayat dengan betul, kebolehan menyatakan pendapat, menyoal untuk mendapatkan maklumat, berbual dan bekerjasama dengan rakan, memberi dan menerima arahan dengan sopan, mengemukakan soalan yang bersesuaian, bersoal jawab melalui rangsangan,

menceritakan perkara yang dilihat atau didengar serta melafazkan puisi dengan intonasi yang betul.

Kemahiran berkomunikasi dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran bertutur yang ditetapkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2010) bagi murid berusia lima tahun. Dalam konteks kajian ini juga, kemahiran berkomunikasi dibahagikan kepada kemahiran lisan dan bukan lisan. Kemahiran lisan ialah kemahiran menguasai standard pembelajaran berikut:

- i) BM2.2.5 Menyoal dengan menggunakan sebutan yang betul dengan bimbingan
- ii) BM2.2.6 Mengemukakan soalan yang sesuai dan mudah difahami,
- iii) BM2.2.7 Menjawab soalan dengan ayat yang mudah dan sesuai
- iv) BM2.4.1 Menceritakan perkara yang didengar dengan menggunakan ayat yang mudah dan
- v) BM2.5.1 Main peranan mengikut situasi dengan menggunakan bahasa yang sesuai untuk menghidupkan watak dengan bimbingan seperti yang telah ditetapkan oleh KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c).

Kemahiran berkomunikasi bukan lisan (*soft skill*) pula merujuk kepada elemen di bawah:

- i) Boleh bekerjasama dengan rakan
- ii) Boleh melakukan aktiviti berkumpulan
- iii) Boleh berkongsi peralatan dengan rakan
- iv) Boleh menghormati orang lain
- v) Dapat membantu rakan tanpa disuruh
- vi) Boleh main peranan mengikut situasi.